



Ruj: KKM.500/3/4/9 Jld.7 (31)

Tarikh: **19** September 2018

SEPERTI DISENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PELAWAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) BAGI PERMOHONAN KEMUDAHAN BIASISWA *LEE KUAN YEW SCHOOL OF PUBLIC POLICY* – PENGAJIAN PERINGKAT SARJANA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mempelawa semua pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berkelayakan untuk memohon kemudahan **Program Biasiswa *Lee Kuan Yew School of Public Policy*** bagi pengajian peringkat Sarjana secara sepenuh masa.

SYARAT- SYARAT PERMOHONAN

3. Semua permohonan mesti memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan di dalam surat tawaran **JPA (I) S.178/1/5-9/5 KIt.3 (1)** dan boleh dimuat turun di laman web <http://esilav2.jpa.gov.my>.

CARA MEMOHON

4. Calon perlu melayari dan memohon secara dalam talian melalui portal JPA seperti yang tersebut di atas. Tarikh tutup permohonan secara dalam talian di portal JPA adalah pada 28 September 2018, **namun calon di Kementerian Kesihatan Malaysia perlu mengemukakan permohonan ke Bahagian Pengurusan Latihan pada/sebelum 26 September 2018** untuk tindakan Bahagian ini selanjutnya.

5. Calon dinasihatkan untuk memahami dan mengikuti tatacara permohonan bagi mengelakkan permohonan tersebut ditolak. **Ketua Jabatan adalah dicadangkan supaya hanya menyokong dan mempertimbangkan calon-calon yang layak, sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.**



6. Calon perlu melengkapkan dan menghantar:-
- i. Dua (2) salinan Borang Permohonan Online JPA yang dicetak daripada sistem permohonan <http://esilav2.jpa.gov.my>.
 - ii. Borang JPA(L)LDP 1A/96 (**Lampiran B**) tidak perlu diisi oleh pemohon dan akan dilengkapkan oleh urusetia di Bahagian Pengurusan Latihan;
 - iii. Dua (2) salinan Borang Perakuan Ketua Jabatan (**Lampiran C**);
 - iv. Satu (1) salinan Kad Pengenalan;
 - v. Satu (1) salinan Sijil Ijazah Pertama atau kelulusan yang setaraf dengannya (skrol dan transkrip yang telah disahkan);
 - vi. Satu (1) salinan passport yang disahkan;
 - vii. Satu (1) *Curriculum vitae* (**dalam Bahasa Inggeris**);
 - viii. Satu (1) salinan TOEFL/IELTS/GRE/GMAT/LST (sekiranya ada) yang disahkan; dan
 - ix. Satu (1) salinan Buku Perkhidmatan yang terkini dan disahkan.

Dokumen-dokumen tersebut perlu dihantar sebelum/pada **26 September 2018** kepada:-

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 1
Cawangan Operasi Latihan
Bahagian Pengurusan Latihan, KKM
Aras 6, No 26, Persiaran Perdana, Presint 3
62675, Putrajaya
(u/p: Subunit Biasiswa Asing)

7. Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan tawaran biasiswa ini boleh diajukan kepada:

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 1
No. Telefon: 03-8885 0694
No. Faks: 03-8885 0746
Email: ehlp1@moh.gov.my

8. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memaklumkan tawaran ini kepada semua anggota yang berminat dan berkelayakan di Jabatan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'ISMAIL', with a large loop at the top and a long horizontal stroke extending to the right.

(ISMAYATI BINTI ISMAIL)
Bahagian Pengurusan Latihan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian
Program Kesihatan Pergigian

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Program Perkhidmatan Farmasi

Pengarah
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan
Program Keselamatan dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Kejururawatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Profesion Pengajar
Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)

SENARAI EDARAN

Semua Pengarah Bahagian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Setiausaha Bahagian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah Hospital
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah
Institusi-institusi Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia